

**ANALISIS PERBANDINGAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN KARAKTER  
DI SEKOLAH RENDAH SINGAPURA, JEPUN DAN MALAYSIA.**

Nur Adibah binti Abdul Latif

*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak***ARTICLE INFO**

Received 1 November 2023

Accepted 20 November 2023

Published 30 November 2023

**Keywords:**

Pendidikan karakter

Kurikulum Karakter

Perkembangan karakter

Perbezaan pendekatan karakter

CCE

\* Corresponding author. E-mail address:  
[nuradibalatif@gmail.com](mailto:nuradibalatif@gmail.com)**ABSTRACT**

Pendidikan karakter menggambarkan fenomena yang sukar untuk dijelaskan kerana melibatkan ruang lingkup matlamat output, strategi pedagogi dan orientasi falsafah serta bergantung kepada latar belakang sosial yang sangat luas (Bernal, 2018). Kajian ini dilaksanakan bagi melihat perbandingan pelaksanaan pendidikan karakter di Singapura, Jepun dan Malaysia bertujuan mengenalpasti elemen yang dapat diterapkan dalam merencana pendidikan karakter untuk diaplifikasi di sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dapatkan kajian diperoleh menggunakan pendekatan kajian perpustakaan meliputi maklumat polisi kerajaan, kurikulum serta pelaksanaan pendidikan karakter di Singapura, Jepun dan Malaysia. Analisis dapatkan kajian secara analisis kandungan mendapati ketiga-tiga buah negara meletakan matlamat pembentukan karakter sebagai salah satu tunjang utama pendidikan. Namun, terdapat perbezaan dari sudut kandungan, interpretasi karakter serta kaedah pelaksanaan yang dijalankan. Singapura melaksanakan pendidikan karakter dengan menggunakan kerangka silibus karakter dan kewarganegaraan (CCE), Jepun pula membangunkan pendidikan moral (*doutoku*) serta penerapan pembentukan karakter menggunakan pendekatan kurikulum tersembunyi, pendidikan pembentukan karakter diserap melalui rutin harian di sekolah sejak awal usia kanak-kanak. Manakala, Malaysia melaksanakan beberapa program yang bersifat rentas kurikulum dan lebih menekankan kepada nilai. Hal ini adalah seperti pelaksanaan modul exemplar pendidikan sivil, modul karakter dan nilai dalam Pendidikan Islam, serta program Sekolahku Sejahtera. Satu elemen utama pendidikan karakter yang perlu diberi perhatian adalah pelaksanaan yang tidak menjurus kepada indoktrinasi tetapi bersifat berterusan menerusi penerapan budaya, pengalaman sebenar, dan penglibatan aktif murid.

**PENGENALAN**

Era revolusi industri mendedahkan masyarakat global kepada ketidaktentuan serta perubahan pesat yang memerlukan keupayaan mengadaptasi persekitaran yang rencam. Keadaan ini menyebabkan setiap individu perlu bukan sahaja memiliki pengetahuan tetapi kemahiran insaniah seperti fleksibiliti kognitif, pengurusan sumber manusia, kecerdasan emosi, serta keupayaan membuat penilaian dan keputusan (Gray, 2016). “*Educating the mind without educating the heart is no education at all.*” Aristotle. Pendidikan tanpa mendidikan jiwa adalah bukan satu bentuk pendidikan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan dibentuk secara umumnya menyatakan hasrat pedidikan negara adalah bertujuan untuk melahirkan individu yang berketerampilan dan seimbang dalam setiap aspek secara holistik (FPK, 1988).

Pendidikan adalah peneraju dalam melahirkan generasi yang menjadi aspirasi negara. Kualiti pendidikan memberi impak kepada sumber manusia kerana menerusi pendidikan yang berkualiti akan mewujudkan perbezaan dalam pencapaian dan kerjaya anggota masyarakat (Putri et al., 2022; Syukri, 2019). Pendidikan yang berkualiti tidak tertumpu kepada pencapaian bersifat empirikal semata-mata namun turut bertujuan untuk membangunkan murid yang berpengetahuan dan menjadi individu yang baik iaitu individu yang membesar dengan keperibadian moral (Arthur, 2014; Nucci, 2019, Lickona, 2018).

Melahirkan individu dengan keperibadian moral dan karakter tidak berlaku secara sendirinya. Pembentukan karakter individu dibentuk menerusi proses, pendidikan dan amalan berterusan. Hal ini menyebabkan pendidikan karakter semakin mendapat perhatian pada hari ini dengan sebanyak 60,700 carian dijumpai berkenaan pendidikan karakter daripada carian Google Scholar (McGrath, 2021). Pendidikan karakter mula dipelopori secara meluas oleh Kohlberg pada 1966 dan terus berkembang hari ini oleh beberapa nama tidak asing dalam pendidikan karakter seperti

Berkowitz & Bier, (2005), Arthur, (2014) & Lickona, (2018). Di samping itu, semakin banyak negara yang meletakan pendidikan karakter sebagai agenda utama pendidikan negara-negara masing-masing. Contohnya adalah seperti di United Kingdom yang dipelopori oleh *The Jubilee Centre for Character and Virtues*, Singapura menerusi kurikulum *Character and Citizenship Education*, (CCE), Pendidikan Moral (*Doutoku*) di Jepun juga di negara-negara lain seperti di Amerika Syarikat, Indonesia, Finland dan tidak ketinggalan negara Malaysia.

Polemik sejak sekian lama membentengi sekitar perbincangan pendidikan karakter adalah konsep pendidikan karakter itu sendiri yang sangat luas (McGrath, 2021). Dalam bidang pendidikan karakter secara khususnya, berkaitan dengan pendidikan moral, pendidikan sivik, nilai murni, pendidikan kewarganegaraan dan pemikiran kreatif. (Bernal et, al., 2018; McGrath, 2021). Definisi karakter itu sendiri juga masih diperdebatkan sehingga ke hari ini ( Lerner & Schmid, 204; Nucci, 2019). Jason Baehr (2017) misalnya, menyatakan pembinaan karakter melibatkan empat dimensi iaitu nilai moral, nilai sivik, nilai pengetahuan dan nilai prestasi. Manakala, terdapat pendapat lain yang menyatakan pembinaan karakter adalah bertujuan membentuk nilai kehidupan, menambahbaik tingkah laku serta membangunkan hubungan baik dengan ahli keluarga dan komuniti (Arie & Mardan, 2018).

Kekeliruan dalam mendefinisi pendidikan karakter ini menyebabkan kesukaran dalam merancang program serta aktiviti pelajaran pendidikan karakter (Lapsley, 2013). Karakter tidak dapat dibina secara automatik tetapi boleh dibina menerusi pengajaran, contoh dan amalan (Arthur, 2014). Maka kajian ini, bagi merungkai konsep pendidikan karakter dengan merujuk kepada 3 elemen asas pembangunan karakter menurut model Tyler, 1940 iaitu matlamat, kandungan, dan pendekatan yang digunakan di tiga buah negara bagi menjelaskan dua persoalan utama dalam pendidikan karakter iaitu siapakah individu yang ingin dilahirkan dan bagaimana individu tersebut boleh dibentuk? (Althof & Berkowitz, 2006).

Perbandingan antara tiga buah negara dilakukan secara semak silang bagi mengenalpasti perbezaan pelaksanaan pendidikan karakter bertujuan mendapatkan elemen-elemen yang boleh diadaptasi dalam konteks pendidikan di Malaysia. Di Malaysia, secara umumnya menerusi FPK secara jelas menyatakan matlamat utama pendidikan adalah bertujuan untuk melahirkan individu yang seimbang, harmonis dan sejahtera. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 turut menyatakan ciri aspirasi murid yang ingin dihasilkan daripada sistem pendidikan di Malaysia, iaitu menerusi 6 aspirasi murid yang digariskan. Pada 2019, menerusi naratif baru amalan pendidikan, fokus & gerak kerja profesional KPPM 2019 meletakan pembelajaran berorientasikan perkembangan menerusi pembinaan watak dan pembangunan sahsiah sebagai salah satu naratif utama pendidikan. Hal ini menjelaskan definisi bagaimakah individu yang ingin dilahirkan daripada sistem pendidikan di Malaysia. Namun, isu yang timbul adalah bagaimakah matlamat individu tersebut dapat dicapai?

Pendekatan-pendekatan yang diperkenal di Malaysia adalah bersifat rentas kurikulum, seperti yang dilaksanakan menerusi Modul Exampler Sivik, serta diterapkan menerusi kandungan subjek pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Di samping itu, mulai 2022 satu konsep SekolahKu Sejahtera diperkenalkan bagi mengukuhkan lagi penerapan dan pembentukan karakter menerusi perkembangan individu. Walaubagaimanapun, persoalan yang wujud adalah bagaimakah untuk memastikan program-program tersebut berjaya mencapai matlamatnya, sementelah tiada indikator tuntas dalam penilaian karakter. Konsep program yang diperkenalkan adalah sangat meluas dan boleh mewujudkan kebarangkalian kekeliruan dalam proses pelaksanaan. Keberkesanan pendidikan karakter tidak dapat dinilai menerusi penyampaian pengetahuan sahaja tetapi memerlukan satu perancangan yang sistematik meliputi elemen-elemen karakter seperti kaedah pengajaran, persekitaran dan tahap kesediaan murid (Arthur, 2014; Lickona, 2016; Nucci, 2018; Bernal, 2018). **Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bertujuan menjelaskan pendekatan pendidikan karakter di Singapura, Jepun dan Malaysia.** Dapatan daripada analisis dan perbandingan dengan negara lain diharapkan dapat memberi nilai tambah dalam pelaksanaan pendidikan karakter di Malaysia. Pemilihan Singapura sebagai salah satu negara kajian dibuat adalah kerana program pendidikan karakter yang dijalankan adalah sistematik dan berstruktur lantaran Kementerian Pendidikan Singapura telah membangunkan satu kurikulum yang dinamakan *Character Education and Citizenship Syllabus*. Manakala, pemilihan Jepun pula dibuat kerana adalah dalam makluman masyarakat global tentang kompetensi nilai moral dan amalan pendidikan moral murni yang menjadi identiti masyarakat Jepun. Hal ini, secara tidak langsung menjelaskan bahawa program pembangunan modal insan dilakukan oleh negara Jepun adalah berkesan dan salah satu program yang dijalankan adalah menerusi program pendidikan seperti Pendidikan Moral seawal usia murid di pra sekolah.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Pendidikan Karakter**

#### a. Definisi Pendidikan Karakter

Plato mendefinisi karakter adalah kebolehan seseorang untuk memahami perkara yang baik dan melakukan hal yang baik. Aristotle pula menyatakan karakter sebagai keupayaan seseorang untuk melakukan perkara yang baik. Karakter tidak dapat dibina secara automatik tetapi boleh dibina menerusi pengajaran, contoh dan amalan (Arthur, 2014). Pembinaan karakter di sekolah dilaksana bertujuan untuk membangunkan penaakulan moral, kemahiran sosial, habit positif, serta kesejahteraan personal juga sosial (Bernal et al., 2018).

#### b. Kepentingan Pendidikan Karakter

Pelbagai isu yang wujud pada hari ini menjelaskan tentang masalah penghayatan dan pelakuan nilai dan moral semakin meruncing. Isu ini menjelaskan tentang wujudnya kelompongan dalam usaha pembangunan karakter individu di segenap peringkat. Melihat sekolah sebagai medium sosialisasi dan menjadi medan utama pembangunan individu maka, adalah perlu untuk diberikan perhatian terhadap amalan penerapan nilai. Antara isu yang timbul adalah seperti gejala buli, salah laku seksual, penagihan dadah dan vandalisme (Mohamad Aznuddin Abd Razak et al., 2018; Arie & Mardan, 2018,).

Maka, hal ini perlu diatasi dengan pembentukan jati diri serta karakter individu. Karakter dijelaskan sebagai pemikiran, perasaan dan tingkah laku individu dalam kehidupan sehari-hari. Karakter yang baik adalah apa pemikiran, perasaan dan tingkah laku sama ada ketika bersedia mahupun dalam kelompok ramai yang dapat memenuhi keperluan semua dan tidak melanggar etika asas kemanusiaan. (Hasibuan, et al., 2018; Pauw et al., 2015; Winataputra, 2016).

#### c. Pendekatan Pendidikan Karakter

Keberkesanan program pendidikan karakter adalah bersandarkan kepada kualiti reka bentuk dan pelaksanaan program maka program yang bersifat terhad terkawal adalah tidak sesuai (Sojourner, 2012). Walaubagaimanapun tiada satu kaedah tuntas dalam menjamin keberkesanan program pendidikan karakter tetapi terdapat prinsip-prinsip yang dibangunkan sebagai panduan (Lickona, 2019). Dua elemen utama dalam pendidikan karakter adalah pemikiran dan juga tindakan (Piaget, 1965). Elemen ini perlu diterap bagi memastikan setiap tingkah laku diambil adalah berdasarkan kompetensi penaakulan moral bersesuaian dengan situasi (Nucci, 2018). Pendekatan pelbagai secara komprehensif melibatkan sekolah dan komuniti sesuai dalam usaha menerapkan pendidikan karakter dan moral kerana persekitaran sosial merupakan konteks realiti sebenar pendidikan karakter berlaku (Algera & Sink, 2002). Pengurusan bilik darjah dalam pendidikan karakter tidak seharusnya berfokus kepada reaksi punitif tetapi perlu menggalakkan pembangunan karakter, penaakulan moral dan memahami sebab akibat sesuatu tindakan. Pendidikan karakter berkesan dapat dibentuk secara tersusun langkah demi langkah menggunakan pendekatan latihan, pembelajaran langsung, berfokus dan mempunyai yang jelas (Sancassiani, 2015).

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif pendekatan kajian perpustakaan. Kajian kualitatif merupakan satu pendekatan interpretif dan natural dalam menjelaskan persekitaran sebenar yang melibatkan pemerhatian terhadap latar belakang sosial kumpulan atau individu yang terlibat dalam projeksi kajian (Bruce L/ Berg & Howard Lune, 2012; John W. Creswell & Cheryl N. Poth, 2018). Othman Lebar (2018) menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif mementingkan pembinaan penjelasan tentang fenomena sosial iaitu bermatlamat untuk membantu penyelidik memahami aspek sosial. Dalam konteks kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan bagi mendapatkan penjelasan tentang bagaimakah pendidikan karakter dilaksanakan di tiga buah negara iaitu Singapura, Jepun dan Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan tidak melibatkan aktiviti kajian di lapangan juga responden kajian tetapi secara sepenuhnya menggunakan analisis dokumen berkaitan seperti polisi pendidikan negara kajian serta artikel berkaitan menerusi carian di laman web rasmi kementerian pendidikan, pengkalan data (*database*) seperti *Google Scholar*, *ProQuest*, *Eric*, *Taylor & Francis* dan terbitan jurnal yang berkaitan. Analisis dokumen merupakan satu prosedur sistematik untuk mengenalpasti dan menilai dokumen sama ada bercetak mahupun bahan digital.


## Sampel Kajian

Kajian ini tidak melibatkan responden kajian tetapi menggunakan dokumen polisi kerajaan serta artikel jurnal sebagai sumber primer data kajian. Kajian ini tidak memerlukan responden kerana pengkaji adalah individu yang bertanggungjawab untuk mengumpul, mengenalpasti dan mengupas data (George, 2008).

## Kaedah Pengumpulan Data.

Data kajian diperoleh menerusi analisis kandungan dokumen. Dokumen yang digunakan meliputi dokumen polisi dan dasar pendidikan contohnya seperti Dokumen Kurikulum Pendidikan Karakter dan Kewarganegaraan (CCE) Singapura, Modul Exampler Pendidikan Sivik. Surat Pekeliling pelaksanaan Konsep Sekolahku Sejahtera, Artikel berkaitan pendidikan moral dan pembentukan karakter di Jepun.

**Rajah 1 : Kaedah pengumpulan data**




Pengumpulan data dimulakan dengan mengenalpasti jenis dokumen yang diperlukan. Kemudian, pengumpulan dokumen yang berkaitan dilakukan menggunakan carian di laman sesawang rasmi kementerian pendidikan serta menggunakan sumber artikel jurnal daripada pengkalan data (*database*) yang berkualiti. Dokumen diperoleh inilai keautentikannya menerusi pemilihan sumber dokumen itu diperoleh di samping memastikan dokumen bersifat terkini. Seterusnya dokumen dikatalog mengikut kategori. Dalam konteks kajian ini, dokumen dikategorikan mengikut tiga buah negara kajian iaitu Singapura, Jepun dan Malaysia. Seterusnya data dianalisis dan diinterpretasi bagi tujuan pelaporan dapatkan kajian. Proses Pengumpulan data dan analisis data dijalankan secara serentak. Teknik snowball bagi mendapatkan dokumen juga sumber yang berkaitan digunakan mengikut keperluan berdasarkan hasil analisis dan interpretasi data.

## Analisis Data

Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian Nvivo bagi menganalisis kandungan dokumen yang telah dikumpul. Proses pengkodean kandungan dilakukan merujuk kepada tema-tema utama yang telah ditetapkan seperti matlamat, kandungan dan pendekatan pendidikan karakter bagi negara kajian. Setelah proses pengkodean selesai, hasil analisis dibanding bezakan bagi menjelaskan ketiga-tiga objektif kajian. Di samping itu, semak silang turut dilakukan dengan merujuk konsep serta teori berkaitan pendidikan karakter bagi menjelaskan dengan lebih mendalam kesesuaian dan keberkesanannya pelaksanaan pendidikan karakter di sekolah rendah.

**Rajah 2**

Pendekatan pendidikan karakter di Singapura, Jepun & Malaysia



Pembelajaran pendidikan karakter melibatkan pelbagai pendekatan pendidikan seperti bererita menggunakan alatan melukis, main peranan, permainan, pendekatan penyelesaian masalah dan juga pendekatan pembelajaran aktif yang lain. Di peringkat lebih tinggi, murid digalakan untuk mengadakan perbincangan, kajian kes, penyelesaian masalah dan juga pendekatan berbeza yang lain. (Elyanta et al, 2020). Kementerian Pendidikan, Sukan, Sains dan Teknologi (MEXT) Jepun turut disokong oleh rancangan di televisyen (Bamkin, 2016). Pendidikan Karakter di Jepun boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kurikulum formal yang dirangka oleh MEXT seperti dalam buku teks dan juga pendidikan secara kurikulum tersembunyi menerusi aktiviti di sekolah dalam dan luar bilik darjah seperti rutin ketika rehat, membersihkan ruang setelah habis aktiviti, aktiviti kokurikulum dan aktiviti lain yang berkaitan.(Mahfud & Fatah, 2017)

Pendidikan karakter juga boleh disampaikan menggunakan kaedah internal dan eksternal. Kaedah internal melibatkan pendekatan dalam bilik darjah, budaya sekolah, aktiviti harian kokurikulum dan ekstra kurikulum. Manakala strategi internal merupakan langkah yang dilaksanakan oleh pihak sekolah secara keseluruhan bermula daripada pihak pentadbir sehingga pekerjanya (Hasibuan et al., 2018; Pauw, et al., 2015; Winataputra, 2016). Ketiga-tiga buah negara ada menggabungkan kesemua elemen pembelajaran luar bilik darjah, dalam bilik darjah menggunakan strategi internal dan eksternal. Namun, perbezaan wujud dari sudut paradigma yang dipegang, kerangka pelaksanaan program serta kerangka yang disediakan sebagai panduan pelaksanaan pendidikan karakter di sekolah.

Singapura turut mengaplikasikan pendekatan pelbagai walaupun mempunyai satu kerangka silibus yang khusus. Waktu pembelajaran ditetapkan bagi penyampaian pembelajaran pendidikan karakter bagi menjelaskan tentang nilai yang perlu dipelajari, memberikan pengetahuan berkaitan kemahiran yang diperlukan dalam berhadapan dengan dunia sebenar serta memberi peluang kepada pelajar untuk memberi sumbangan menerusi aktiviti *Values in Action* (VIA). Waktu pembelajaran yang ditetapkan seperti di Jepun tidaklah bersifat sebagai waktu pembelajaran satu mata pelajaran khusus tetapi waktu yang ditetapkan untuk mempelajari pendidikan karakter menerusi *Form Teacher Guidance Period* (FTGP) dan pembelajaran bahasa ibu (*Mother Tongue Languages*, MTL). Pendekatan luar bilik darjah turut dilaksanakan seperti aktiviti ko kurikulum, pembelajaran luar sekolah, program kepimpinan dan pendidikan kenegaraan. Bagi memastikan setiap aktiviti dijalankan secara berkesan, hasil pembelajaran CCE ditetapkan dan aktiviti dirancang adalah bersesuaian dengan hasil diharapkan menerusi pendekatan seperti pembelajaran kendiri, perbincangan, dialog dan refleksi. Setiap sekolah mempunyai latar belakang dan budaya yang berbeza memerlukan

pendekatan yang juga berbeza oleh itu, pendidikan karakter di Singapura turut melaksanakan inisiatif berasaskan sekolah iaitu program yang dijalankan adalah mengikut konteks sekolah tersebut disamping dilaksanakan secara rentas kurikulum dengan mata pelajaran yang lain.

Pendekatan yang berkesan perlu bersifat koheren bagi membolehkan impak yang terhasil adalah menepati hasrat yang ditetapkan (Bernal, 2016). Maka secara keseluruhannya, merujuk kepada kaedah pelaksanaan pendidikan karakter di Singapura dan Jepun menggabungkan elemen pendidikan dalam bilik darjah iaitu penyampaian pengetahuan secara terus dan aktiviti luar bilik darjah seperti aktiviti kokurikulum, dialog, main peranan, serta rutin harian di sekolah. Pendekatan ini turut dilaksanakan di Malaysia, namun konteks yang diguna lebih bersifat tersembunyi dengan gabungan program yang berbeza yang menerapkan nilai teras utama. Seharusnya, ruang diskusi secara terus membicarakan tentang kesedaran kendiri, peranan dalam masyarakat dan negara diterap secara terus dan tidak secara sisipan dalam matapelajaran tertentu mahupun aktiviti kokurikulum semata-mata.

## KESIMPULAN

Konklusinya, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka pelaksanaan pendidikan karakter di Singapura, Jepun dan Malaysia bertujuan untuk mengenalpasti apakah matlamat, kandungan dan pendekatan yang boleh diadaptasi bagi menambahbaik program pendidikan karakter di Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak persamaan yang diterapkan diketiga negara kajian seperti matlamat melahirkan individu yang holistik, baik dan sejahtera, menerapkan kandungan dengan nilai murni serta pendekatan dalam dan luar bilik darjah yang mendedahkan murid dengan keadaan sebenar. Namun, perbezaan ketara wujud antara negara kajian dengan merujuk kepada kerangka kurikulum pendidikan yang dibentuk, Jepun dan Singapura mempunyai satu kurikulum khusus iaitu Pendidikan Moral di Jepun dan Pendidikan Karakter dan Kewarganegaraan di Singapura yang menjadi satu sumber rujukan utama berbanding di Malaysia yang mempunyai beberapa program dibangunkan untuk tujuan yang sama seperti Modul Exampler Sivik dan juga Program Sekolahku Sejahtera. Secara kesimpulannya, terdapat aspek perancangan dan pelaksanaan pendidikan karakter yang boleh ditambahbaik untuk menjadikan program pendidikan karakter di Malaysia adalah lebih berstruktur dan sistematis. Maka, dapatkan kajian ini dapat memberi satu gambaran tentang bagaimana pendidikan karakter dapat dilaksanakan di peringkat kementerian secara umumnya dan di sekolah secara khususnya. Kajian ini terhad kepada sumber polisi kerajaan yang dibekalkan dari sumber penerbitan kementerian dan artikel jurnal, tidak menggambarkan proses pelaksanaan sebenar dan keberkesanannya program yang dijalankan. Kajian seterusnya boleh dijalankan dengan melihat situasi sebenar pelaksanaan program pendidikan di lapangan dan penilaian keberkesanannya program yang dilaksanakan. Selain itu, merangka satu bentuk kerangka kurikulum pendidikan karakter yang sistematis dan berstruktur.

## RUJUKAN

- Algera, H. F., & Sink, C. A. (2002). Another Look at Character Education in Christian Schools. *Journal of Research on Christian Education*, 11(2), 161–181. doi:10.1080/10656210209484937
- Althof, W., & Berkowitz, M. W. (2006). Moral education and character education: Their relationship and roles in citizenship education. *Journal of Moral Education*. <https://doi.org/10.1080/030572406012204>
- Arie Supriati & Mardan Umar. (2018). Optimizatiofn of the civic education as the effort to strengthen national character in multicultural community. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, volume , 193-196.
- Arthur, J. (2014). Traditional approaches to character education in Britain and America. In L. P. Narvaez, *Handbook of Moral and Character Education* (pp. 81-97). New York : Routledge.
- Aurora Bernal Martinez de Soria, Concepcion Naval Duran, Angel Sobrino Morras, Juan Pablo Dabdoud Gonzalez, & Apolinari Grana Varela. (2018). Questions and answer regarding character education in Latin-America Countries: An exploratory delphi study. *EDETANIA*, 23-44.

- Baehr, J. (2017). The Varieties of Character and Some Implications for Character Education. *Journal of Youth and Adolescence*. <https://doi.org/10.1007/s10964-017-0654-z>
- Bamkin, Sam. (2016). Moral education at Japanese elementary school. [www.wcmt.orf.uk/sites/default/files/report-20final-pdf.pdf](http://www.wcmt.orf.uk/sites/default/files/report-20final-pdf.pdf).
- Bruce L. Berg & Howard Lune. (2012). *Qualitative Research Methods for the Social Science*. New Jersey: Pearson.
- Ellyana Hinta, Dakia Djou, Asna Ntelu, Mira Mirnawati. (2020). Character education comparison of primary school students in indonesia and japan. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt / Egyptology*, 17(9), 482 - 493. Retrieved from <https://archives.palarch.nl/index.php/jae/article/view/3476>
- Gray, A. (2022, September 16). *The 10 skills you need to thrive in the Fourth Industrial Revolution*. Retrieved from World Economic Forum: <https://www.weforum.org/agenda/2016/01/the-10-skills-you-need-to-thrive-in-the-fourth-industrial-revolution/>
- Hasibuan, A. A., Syah, D., & Marzuki, M. (2018). Manajemen Pendidikan Karakter Di Sma. *Tarbawi: Jurnal Keilmuan Manajemen Pendidikan*. <https://doi.org/10.32678/tarbawi.v4i02.1230>
- John W. Creswell & Cheryl N. Poth. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design*. California: SAGE Publications.
- Junaedi, Mahfud, and Fatah Syukur. "Character Education in Japanese Schools a Model for Improving Character Education in Indonesia." *Analisa Journal of Social Science and Religion*, vol. 2, no. 01, 2017, pp. 23-40, doi:[10.18784/analisa.v2i01.416](https://doi.org/10.18784/analisa.v2i01.416).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1988), *Falsafah Pendidikan Malaysia*. Diperoleh daripada <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019) *OPMT 2.0 Kementerian Pendidikan Malaysia Naratif Baharu Amalan Pendidikan*. <https://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/NaratifBaharuKPM.pdf>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022, Mac 24). Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil 4 Tahun 2022. *Pelaksanaan Konsep Sekolahku Sejahtera di Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia*. <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/pengumuman/surat-siaran-kpm-bil-4-2022-pelaksanaan-konsep-sekolahku-sejahtera-di-institusi-pendidikan-bawah-kpm>
- Lapsley, D. & Yeager D., (2013). Moral-character education. In W. R. Miller, *Handbook of psychology vol 7*. New York: Wiley.
- Lerner, R. M., & Callina, K. S. (2014). The study of character development: Towards tests of a relational developmental systems model. *Human Development*, 57(6), 322-346.
- Mahanani, P., Akbar, S., Kamaruddin, A. Y. B., & Hussin, Z. B. (2022). Educational analysis to develop character in Malaysia and Indonesia. *International Journal of Instruction*, 15(3), 377-392.
- Ministry of Education Singapore. (2022, September 5). *Character and Citizenship Education Syllabus (Primary)*. <https://www.moe.gov.sg/media/files/primary/characterandcitizenshipeducationprimarysyllabusenglish>
- Mohamad Aznuddin Abd Razak, Fazly Azry Abd Aziz, Rasidah Jamaluddin, Noor Ani Ahmad, S Maria Awaluddin, Muslimah. (2018). *State of Adolescents' Mental Health in Malaysia*. Kuala Lumpur: INSTITUTE FOR PUBLIC HEALTH.

- Nucci, L. (2019). Character: A Multi-faceted Developmental System. *Journal of Character Education*.
- Othman Lebar (2018). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. (Edisi Kedua). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pala, Aynur. (2011). The need for character education. *International Journal of Social Sciences and Humanity Studies*. 3.
- Pauw, J. B. de, Gericke, N., Olsson, D., & Berglund, T. (2015). *The effectiveness of education for sustainable development. Sustainability (Switzerland)*. <https://doi.org/10.3390/su71115693>
- Piaget, J. (1965). 1932. *The Moral Judgment of the Child*. New York : Free Press.
- Robert E. McGrath, Hyemin Han, Mitch Brown & Peter Meindl (2021): What does character education mean to character education experts? A prototype analysis of expert opinions, *Journal of Moral Education*, DOI: 10.1080/03057240.2020.1862073
- Sancassiani, F., Pintus, E., Holte, A., Paulus, P., Moro, M. F., Cossu, G., ... Lindert, J. (2015). Enhancing the Emotional and Social Skills of the Youth to Promote their Wellbeing and Positive Development: A Systematic Review of Universal School-based Randomized Controlled Trials. *Clinical Practice & Epidemiology in Mental Health*, 11(1), 21–40. <https://doi.org/10.2174/1745017901511010021>
- Sojourner, R. (2012). *The rebirth and retooling of character education in America*. Washington: CEP and McGraw Hill Research Foundation, 2-16.
- Syukri, M. (2019). *Glancing at the Educational Policies of Cognate Countries*. Diperoleh daripada <https://analisadaily.com/berita/arsip/2019/9/7/790709/melirik-kebijakanpendidikan-negara-serumpun/>
- Waller, R. E., Lemoine, P. A., Mense, E. G., Garretson, C. J., & Richardson, M. D. (2019). Global higher education in a VUCA world: Concerns and projections. *Journal of Education and Development*, 3(2), 73.
- Winataputra, U. S. (2016). Jurnal moral kemasyarakatan vol. 1, no.1, Juni 2016. *Jurnal Moral Kemasyarakatan*.